

02/12/1998

Toffler kekal, ahli IAP bertambah

MULTIMEDIA Development Corporation Sdn Bhd (MDC) mengesahkan bahawa Alvin Toffler, salah seorang daripada Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) masih kekal dalam IAP itu.

Ini ditegaskan oleh ketua eksekutifnya, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, bahawa Toffler masih lagi berada dalam panel penasihat itu.

Dengan ini menghapuskan kenyataan bahawa Toffler sudah menarik diri daripada panel itu yang sekali gus juga menolak dakwaan banyak syarikat akan keluar dari Koridor Raya Multimedia (MSC).

Kebelakangan ini wujud pelbagai kenyataan mengenai penarikan Toffler daripada IAP. Malah terdapat juga laporan mengatakan penarikan Toffler akan menyebabkan banyak syarikat keluar dari MSC.

Malah Othman menerangkan juga syarikat yang beroperasi dalam MSC masih kekal di situ dan tidak terdapat syarikat yang berminat untuk keluar dari situ.

Apa yang membanggakan, katanya, tiga lagi ahli IAP akan dilantik tidak lama lagi yang mana senarai mereka itu bakal dibincangkan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"MDC sudah membuat pemilihan dengan mengesyorkan seorang daripada Australia yang pakar dalam perdagangan elektronik (EC) dan dua daripada India," katanya.

Dengan pelantikan tiga anggota baru itu sekiranya diperkenankan Mahathir, ia menjadikan keseluruhan ahli IAP kepada 33 orang.

(END)